

Akaun Semasa HLB PrimeBiz

Terma & Syarat

1. Akaun Semasa HLB PrimeBiz (“Akaun Semasa PrimeBiz”) ialah satu akaun semasa konvensional yang disediakan untuk (i) syarikat, dan (ii) pemilik tunggal dan perkongsian yang telah diberikan kemudahan kredit, iaitu pinjaman perniagaan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”). Syarikat, pemilik tunggal dan perkongsian yang telah membuka akaun ini akan dirujuk sebagai “Pelanggan” dan “Pelanggan-pelanggan” secara kolektif.
2. Pelanggan-pelanggan hendaklah menandatangani minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk pembukaan Akaun Semasa PrimeBiz dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mentadbir pembukaan akaun semasa konvensional.
3. Ciri-ciri utama Akaun Semasa PrimeBiz dibentangkan di bawah dan tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:
 - (A) Rebat Bulanan (“Rebat”)
 - a. Rebat akan diberi berdasarkan baki purata bulanan Pelanggan (“Baki Purata Bulanan”) pada akhir setiap bulan. Baki Purata Bulanan dikira berdasarkan agregat jumlah baki tertunggak akhir hari dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dalam bulan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, untuk bulan pertama di mana akaun dibuka, Baki Purata Bulanan akan dikira berdasarkan agregat jumlah baki tertunggak akhir hari dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan di mana Akaun Semasa PrimeBiz telah dibuka.
 - b. Pelanggan-pelanggan adalah layak memohon salah satu (1) daripada tiga (3) Pakej Rebat seperti yang dinyatakan di bawah ini pada satu-satu masa:
 - (i) Pakej Asas, iaitu Pakej Rebat yang disediakan apabila Pelanggan memohon perkhidmatan *e-Inquiry*; atau
 - (ii) Pakej *e-Payment*, iaitu Pakej Rebat yang disediakan apabila Pelanggan memohon perkhidmatan *e-Payment*; atau

- (iii) Pakej Pinjaman Perniagaan, iaitu Pakej Rebat yang terdapat apabila Pelanggan berjaya memohon pinjaman perbankan perniagaan yang baharu (“Pinjaman Perniagaan”). Pelanggan-pelanggan yang memilih Pakej Pinjaman Perniagaan yang melanggan perkhidmatan *e-Payment* akan turut layak untuk menggunakan rebat yang telah mereka perolehi dengan cara yang dijelaskan dalam Klausula 3(B) dan 3(C) di sini, yang mana berkaitan, selepas memenuhi syarat-syarat yang berkaitan.

Rebat hendaklah dikira bagi Pakej Asas, Pakej *e-Payment* dan Pakej Pinjaman Perniagaan menggunakan cara yang telah diterangkan dalam laman web HLB di www.hlb.com.my dan seperti yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

- c. Pelanggan-pelanggan dibenarkan untuk menukar antara Pakej-pakej Rebat yang ada bergantung kepada sama ada perkhidmatan *e-Inquiry* atau perkhidmatan *e-Payment* telah dilanggankan atau jika Pelanggan tersebut berjaya memohon Pinjaman Perniagaan. Rebat bagi bulan tersebut akan dikira berdasarkan Pakej Rebat terkini yang disandarkan kepada Akaun Semasa PrimeBiz pada masa tersebut.
- d. Rebat yang diperolehi dalam satu bulan tertentu hanya boleh digunakan pada bulan berikutnya. Rebat boleh dikumpul dan dijumlahkan untuk penggunaan Dengan Syarat Sentiasa bahawa Rebat hanya boleh dikumpul sehingga 12 bulan dari hari terakhir bulan kalendar di mana Akaun Semasa PrimeBiz dibuka (“Tarikh Ulang Tahun Akaun”).
- e. Semua Rebat mesti digunakan sebelum tamat tempoh Rebat pada hari terakhir bulan kalendar serentak dengan Tarikh Ulang Tahun Akaun.
- f. Rebat hanya boleh digunakan untuk mengimbangi (off-set) faedah (untuk Pakej Pinjaman Perniagaan sahaja yang dinyatakan secara khusus di dalam Fasal 3(C) di bawah), yuran *Security Token* sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Fasal 3(B)(a) (tertakluk kepada Fasal 3(B) di bawah) dan/atau yuran perbankan dan caj yang layak yang dilakukan di mana-mana cawangan HLB dan/atau melalui Perbankan Perniagaan Internet Hong Leong (yang merangkumi

sebarang perubahan nama dari semasa ke semasa), seperti yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa ("Transaksi Layak").

- g. Senarai Transaksi Layak dan nilai Rebat yang terpakai kepada setiap Transaksi Layak (Nilai Rebat) boleh didapati di laman web HLB di www.hlb.com.my dan seperti yang dipinda dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan terdahulu di laman web.
- h. Semua Rebat akan ditolak secara berturutan untuk Transaksi Layak, iaitu Rebat akan mula-mula ditolak terhadap Transaksi Layak pertama yang dikemukakan, dan seterusnya.
- i. Rebat hanya boleh digunakan sekiranya ia mencukupi untuk menampung Nilai Rebat penuh bagi setiap Transaksi Layak kecuali bagi perkara-perkara yang dinyatakan secara khusus di dalam Klausula-klausula 3(B) dan 3(C) di bawah. Sekiranya Rebat tersebut tidak mencukupi untuk menampung Nilai Rebat penuh bagi satu Transaksi Layak, penggunaan atau penolakan Rebat separa di bawah Akaun Semasa PrimeBiz adalah tidak dibenarkan dan Pelanggan dikehendaki untuk membayar keseluruhan yuran atau caj transaksi bagi Transaksi Layak tersebut.
- j. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, jika urus niaga yang termasuk dalam maksud Transaksi Layak adalah dilaksanakan secara dasar pukal atau dikumpulkan ("Transaksi Pukal"), setiap Transaksi Pukal akan dianggap sebagai satu (1) Transaksi Layak sahaja dan penggunaan Rebat untuk Transaksi Layak itu akan juga tertakluk kepada Fasal 3(A)(i) di atas.
- k. Rebat yang terkumpul tetapi tidak digunakan akan dilupuskan secara automatik apabila Akaun Semasa PrimeBiz ditutup.
- l. Rebat tidak boleh dipindahmilik dan tidak boleh ditukar untuk apa-apa wang tunai, kredit, cek atau seumpamanya dan tertakluk kepada perubahan atau pengurangan yang ditentukan oleh pihak Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

(B) Potongan Rebat bagi Yuran *Security Token*

- a. *Security Token* adalah peranti elektronik yang dikeluarkan oleh HLB bagi Pelanggan untuk tujuan menjana protokol cabaran respons untuk tujuan pengesahan.
- b. Pelanggan yang melanggan perkhidmatan *e-Payment* buat pertama kali layak menggunakan Rebat yang diperolehi untuk ditolak dengan yuran *Security Token* sekali sahaja, sebahagian atau sepenuhnya, bergantung kepada Rebat yang terdapat pada masa tebusan, iaitu semasa yuran *Security Token* tersebut dicaj ke atas Akaun Semasa PrimeBiz.
- c. Bagi mengelakkan keraguan, Rebat yang diperolehi hanya boleh digunakan sekali sahaja untuk ditolak dengan yuran *Security Token* apabila yuran *Security Token* tersebut dicaj ke atas Akaun Semasa PrimeBiz. Sekiranya Rebat hanya mencukupi untuk penyelesaian separa bagi yuran *Security Token*, Pelanggan bertanggungjawab ke atas baki yuran *Security Token* tersebut (“Baki ST”) dan Rebat yang diperolehi dalam bulan yang berikutnya tidak boleh digunakan untuk menolak Baki ST yang telah dicaj ke atas Akaun Semasa PrimeBiz.

(C) Penolakan Rebat bagi bayaran Faedah Pinjaman Perniagaan

- a. Hanya terpakai bagi Pinjaman Perniagaan terpilih seperti yang dinyatakan dalam www.hlb.com.my, di mana pembayaran balik sesuatu Pinjaman Perniagaan dilakukan melalui Arahan Tetap (*Standing Instructions*) oleh Pelanggan melalui Akaun Semasa PrimeBiz.
- b. Rebat hanya boleh digunakan untuk ditolak berkenaan faedah yang perlu dibayar ke atas Pinjaman Perniagaan, sebahagian atau sepenuhnya setiap bulan, bergantung kepada Rebat yang terdapat semasa penebusan dilakukan, iaitu tarikh akhir bayaran bulanan Pinjaman Perniagaan. Sekiranya Rebat tersebut hanya mencukupi untuk membayar sebahagian faedah yang perlu dibayar ke atas Pinjaman Perniagaan bagi sesuatu bulan, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar baki faedah Pinjaman Perniagaan yang terhutang (“Baki Faedah”) dan Rebat yang diperolehi dalam bulan yang

berikutnya tidak boleh digunakan untuk menolak Baki Faedah dalam bulan sebelumnya.

(D) Keutamaan Kadar Faedah Deposit Tetap (“Kadar Keutamaan”)

- a. Terpakai untuk Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong (“Perniagaan Flexi FD”).
- b. Kadar Keutamaan adalah terpakai untuk penempatan baru dengan dana baru sahaja daripada akaun deposit tetap di HLB (“Deposit yang Layak”). Oleh itu, deposit dalam Perniagaan Flexi FD yang diletakkan daripada pemindahan dana yang sedia ada dalam mana-mana akaun deposit tetap HLB yang sedia ada, dan/atau pembaharuan Perniagaan Flexi FD yang sedia ada tidak layak untuk Kadar Keutamaan.
- c. Kadar Keutamaan adalah terpakai kepada semua Deposit yang Layak sehingga jumlah agregat maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) bagi setiap Pelanggan, dikira berdasarkan jumlah wang prinsipal semua resit Perniagaan Flexi FD terkumpul di mana Kadar Keutamaan digunakan.
- d. Apabila matang, resit Perniagaan Flexi FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa Perniagaan Flexi FD bagi tempoh masing-masing.
- e. Untuk layak menikmati Kadar Keutamaan ini, Pelanggan mesti memilih Akaun Semasa PrimeBiz yang dihubungkan kepada Perniagaan Flexi FD.
- f. Untuk Pelanggan terus menikmati Kadar Keutamaan, Akaun Semasa PrimeBiz tidak boleh ditutup selagi terdapat deposit di bawah Perniagaan Flexi FD yang memakai Kadar Keutamaan yang masih belum matang.
- g. Kecuali dan melainkan diperuntukkan secara khusus di sini, terma dan syarat yang mentadbir Perniagaan Flexi FD adalah juga terpakai kepada Perniagaan Flexi FD. Satu salinan terma dan syarat Perniagaan Flexi FD boleh dilihat di www.hlb.com.my atau diperolehi dari mana-mana cawangan HLB.

(E) Barisan Keutamaan

- a. Semua pelanggan yang membuka Akaun Semasa PrimeBiz dan menandatangani sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) dalam Perniagaan Flexi FD dalam satu resit akan diberi satu Kad Keistimewaan Akaun Semasa PrimeBiz (“Kad Keistimewaan”) selepas pembukaan Akaun Semasa PrimeBiz.
 - b. Penandatanganan/penandatanganan-penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pelanggan (“Personel yang Diberi Kuasa”) boleh menikmati barisan keutamaan dengan mengemukakan Kad Keistimewaan, di mana-mana cawangan HLB.
 - c. HLB berhak untuk mengesahkan identiti Personel yang Diberi Kuasa yang mengemukakan Kad Keistimewaan di cawangan HLB.
 - d. Kad Keistimewaan mesti diserahkan atas permintaan HLB dan/atau pada masa penutupan Akaun Semasa PrimeBiz.
4. Untuk senarai terbaru Transaksi Layak, yuran dan caj, Nilai Rebat dan Kadar Keutamaan, sila kunjungi mana-mana cawangan HLB dan/atau laman web HLB di www.hlb.com.my.
 5. HLB berhak pada bila-bila masa untuk meminda, mengubah, mengubahsuai atau membatalkan terma dan syarat secara keseluruhannya atau sebahagiannya, melalui pengesahan di laman web dan/atau di mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh HLB dengan memberikan pemberitahuan dua puluh satu (21) hari kalendar. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web HLB secara berkala untuk melihat terma dan syarat dan terus mengikuti perubahan pada terma-terma dan syarat-syarat ini.
 6. Akaun Semasa PrimeBiz juga akan tertakluk kepada Terma dan Syarat Umum HLB yang boleh dilihat di www.hlb.com.my atau salinan boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan HLB dan sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara mereka, terma dan syarat Akaun Semasa PrimeBiz akan diterima pakai.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.